


Kolonoskopi



Jabatan pembedahan merawat pesakit-pesakit dengan pelbagai khidmat rawatan. Ini termasuk Kolorektum, Endokrin, Payudara, Usus Pencernaan, Jagaan Obesity, Hepatobiliari, Plastik, Neurologi, Urologi dan Pembedahan Vaskular. Penasihat-penasihat kami yang berkelayakan menggunakan pembedahan yang minimal dan pembedahan endoskopi untuk mendiagnosi dan rawatan untuk kondisi-kondisi yang tersebut. Kami sedia untuk menawarkan perkhidmatan pesakit dalam dan pesakit luar dengan perkhidmatan 24-jam pembedahan akut. Pembedahan hari (endoskopi) dan pembedahan kecil (bonggol dan bonggol) juga ditawarkan di Jurong Medical Centre.

Apakah kolonoskopi?

Kolonoskopi adalah prosedur yang selamat dan berkesan untuk memeriksa lapisan dalam usus dan saluran rektum. Jika ada tumbuhan yang mencurigakan, doctor akan mengambil biopsi dan mengeluarkan pertumbuhan itu. Kebanyakan prosedur kolonoskopi dilakukan sebagai pesakit luar hanya dengan kesukaran yang minimal.



Siapakah yang perlu menjalani kolonoskopi?

Program pemeriksaan kanser barah usus menggalakkan orang dewasa yang berumur 50 tahun dan ke atas untuk menjalani kolonoskopi. Individu yang mempunyai ahli keluarga dengan sejarah barah usus atau rektum juga dinasihatkan untuk mendapatkan kolonoskopi dari umur 40 tahun atau lebih awal.

Di samping itu, kolonoskopi juga membantu untuk:

- Memeriksa pesakit-pesakit yang mengalami tanda-tanda pendarahan di najisnya
- Memeriksa penyebab gejala perut yang tidak dapat dijelaskan
- Mengesan penyakit radang usus (kolitis)
- Memantau pesakit-pesakit yang mempunyai sejarah sendiri atau ahli keluarga penderita polip usus atau barah

Apakah manfaat-manfaat kolonoskopi?

Kolonoskopi merupakan prosedur yang lebih tepat berbanding dengan sinaran X untuk mengesan polip atau kanser peringkat awal. Kebanyakan polip boleh dikeluarkan dengan kolonoskopi. Mengeluarkan polip boleh membantu untuk mencegah barah usus.

Apakah risiko prosedur ini?

Kolonoskopi merupakan prosedur yang sangat selamat, dan komplikasi hanya berlaku tidak kurang daripada 1 % dari pesakit-pesakit.

Ini termasuk:

- Gagal untuk mengenalpasti polip yang sangat kecil (1/20 pesakit-pesakit), biasanya disebabkan oleh penyediaan usus yang tidak memuaskan.
- Kolonoskopi yang tidak lengkap disebabkan oleh penyediaan usus yang tidak memuaskan atau anatomi luar biasa (1/100 pesakit-pesakit).
- Pendarahan setelah mengeluarkan polip (1/2000 pesakit-pesakit). Ini biasanya pendarahan kecil. Jika adanya pendarahan yang parah, anda mungkin akan memerlukan pemindahan darah, menerima rawatan di hospital atau menjalani prosedur tersebut sekali lagi.
- Lubang kecil atau tebukun boleh berlaku di dalam lapisan kolon (1/2000 pesakit-pesakit). Kemungkinan ini adalah lebih tinggi untuk orang-orang yang mengalami keradangan usus, pesakit yang lemah dan tidak sihat dan mereka yang baru sahaja mengeluarkan polip besar.
- Reaksi terhadap ubat pelali (sangat jarang).

Sebelum prosedur:

Penilaian tentang sejarah perubatan dan keluarga, ubat dan alahan anda akan dilakukan. Sila beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat penipisan darah (Plavix, Aspirin, Warfarin), ubat herba atau suplemen zat besi.

Anda harus minum cecair yang jelas sahaja (contohnya sup jelas, jus epal dan teh kosong) 12 hingga 24 jam sebelum prosedur anda.

Anda akan dikehendaki untuk minum ubat cecair untuk membersihkan usus anda sehari sebelum prosedur. Ahli-ahli perubatan akan memberi arahan tentang masa dan jumlah ubat untuk diambil. Ia adalah biasa sekiranya anda mengalami buang air besar yang cair setelah mengambil ubat cecair ini.



Jangan minum dan makan empat jam sebelum prosedur anda. Doktor anda perlu menjadualkan semula prosedur jika usus besar anda tidak bersih.

Persiapan:

Sila ikuti segala arahan yang diberikan oleh doktor dan jururawat anda.

Semasa kolonoskopi, anda akan berbaring dan badan anda perlu dimiringkan. Doktor akan memberikan ubat untuk menenangkan diri anda. Kadar denyutan jantung, pernafasan dan taraf oksigen anda akan dipantau.

Jika ubat penenang atau relaksasi digunakan, anda harus mengaturkan seseorang untuk mengambil dan menemani anda pulang daripada hospital.



Bagaimanakah kolonoskopi dilakukan?

Kolonoskop akan dimasukkan ke dalam rektum anda sehingga bahagian di mana usus kecil bersambung dengan usus besar. Sementara usus anda diperiksa, polip akan dikeluarkan dan biopsi akan diambil (jika perlu).

Proses kolonoskopi akan berlangsung dalam masa kurang daripada satu jam. Ia adalah normal jika anda akan mengalami sedikit ketidakselesaan selepas kolonoskopi, tetapi anda akan merasa selesa setelah membuang angin. Pergerakan usus yang biasa akan bermula dalam dua hingga tiga hari kemudian. Kebanyakan pesakit-pesakit boleh bermula dengan diet dan aktiviti biasa mereka pada hari berikutnya.

Selepas Prosedur Kolonoskopi:

Sekiranya ada biopsi diambil atau polip yang dikeluarkan, anda akan diberitahu:

- Sekiranya anda sedang mengambil ubat penipisan darah seperti Aspirin, ahli perubatan akan menasihati anda jika perlu berhenti atau teruskan pengambilan ubat-ubatan ini selepas prosedur anda.
- Sekiranya ada polip yang dikeluarkan atau biopsi yang diambil, doktor akan memberitahu keputusan prosedur yang dilakukan pada hari temujanji yang dijadualkan.

Untuk maklumat selanjut

Ng Teng Fong General Hospital and Jurong Community Hospital

1 Jurong East St 21, Singapore 609606
www.ntfgh.com.sg | www.jch.com.sg

Waktu operasi klinik

Isnin – Jumaat: 8.30 pagi – 5.30 petang

Sabtu: 8.30 pagi – 12.30 petang (Klinik terpilih sahaja*)

Klinik Gigi: Isnin – Khamis: 8.00 pagi – 5.30 petang, Jumaat: 8.00 pagi – 5.00 petang

*Silalah rujuk laman web untuk maklumat lanjut.

Pertanyaan umum & temujanji

Talian pertanyaan umum: 6908 2222 (24-hr)

Faks: 6716 5500 | Emel: contactus@nuhs.edu.sg


Talian temujanji: 6908 2222 (Isnin – Jumaat: 8.00 pagi – 5.30 petang, Sabtu: 8.00 pagi – 12.30 petang)

Faks: 6716 2200 | Emel: appointment@nuhs.edu.sg

Talian temujanji klinik gigi: 6716 2233 (Isnin – Jumaat: 8.00 pagi – 5.30 petang)

Faks: 6716 2200 | Emel: JHCampus_Dental@nuhs.edu.sg

Arah menuju



Dengan manaiki MRT

Stesen MRT Jurong East

Dengan bas

Dari Terminal Persimpangan Bas Jurong East

41, 49, 51, 52, 66, 66B, 78, 78A, 79, 79A, 97, 97E, 98, 98M, 105, 143, 143M, 160, 160A, 160M, 183, 183B, 197, 333, 334, 335, 506

Sepanjang Jalan Boon Lay

49, 99, 333, Perkhidmatan Bas Swasta 625, 990

Penafian:

Maklumat dalam risalah ini adalah untuk tujuan pendidikan sahaja dan tidak boleh digunakan sebagai pengganti untuk diagnosis atau rawatan perubatan. Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan mengenai kecergasan fizikal anda atau keadaan perubatan, silalah pastikan anda berunding dengan doktor anda. Maklumat adalah tepat pada masa cetakan.